



## Ancaman sindiket dadah terhadap juvenil di Malaysia

Zarina Othman<sup>1</sup>, Mohamad Daud Druis<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence: Mohamad Daud Druis (email: mdaud007@yahoo.com)

### Abstrak

Isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di peringkat antarabangsa merupakan masalah yang sering dikaitkan dengan jenayah berkumpulan yang mempunyai jaringan kerjasama antarabangsa. Malaysia tidak terkecuali dari ancaman sindiket dadah, yang semakin berleluasa sejak wujudnya kemudahan internet di merata dunia. Justeru itu, kertas kerja ini mengkaji kenapakah golongan juvenil terdedah dan rencam sebagai mangsa dadah sehingga mereka terjebak sebagai pesalah jenayah juvana dalam usia yang muda. Dengan menggunakan pendekatan teori neoliberalisme bagi panduan untuk menjelaskan dan menganalisis isu penglibatan juvenil dalam pengedaran dadah di Malaysia. Data primer dikumpul melalui analisis dokumen, temu bual, observasi dan perbincangan kumpulan terfokus. Manakala kajian kes pula, satu sesi temu bual telah dilakukan ke atas responden yang merupakan pesalah Juvana terpilih. Dapatkan kajian menunjukkan Peranan yang dimainkan oleh sindiket adalah dalam merekrut golongan juvenil sebagai pengedar dan juga untuk mengikat golongan Juvana ini daripada menjauhkan diri dari pihak sindiket setelah mereka bebas dari tahanan kelak. Dengan mewujudkan satu dasar yang lebih manjur dan sistematis seperti konsep keselamatan sosial diwujudkan bagi menangani ancaman terhadap juvenil diharap golongan ini dapat menyumbang terhadap pembangunan dan keselamatan negara pada masa hadapan.

**Katakunci:** dadah, juvenil, keselamatan, neoliberalisme, sindiket dadah, tahanan

## The threat of illicit drug syndicates to juveniles in Malaysia

### Abstract

The issue of international drug abuse and illicit drug trafficking is a problem that is often associated with transnational organised crimes. Malaysia is of no exception where the threat from drug syndicates has become more prevalent especially since the existence of the internet facilities all over the world. This paper examines the reasons why juveniles are exposed to illicit drugs, vulnerable to fall victims of these substances, and risk being caught as Juvana offenders. Applying neoliberalism theoretical approach, this study collected primary data through document analysis, case studies, and in-depth interviews of selected Juvana offenders. The findings revealed the roles of the syndicates in recruiting juveniles as traffickers as well as in preventing them from staying away from the syndicate after being released from detention. It is envisaged that by formulating a more effective and systematic policy based on empirical findings, the threat to juveniles from illicit drug traffickers can be addressed accordingly and will in turn enable them to further contribute to the development and security of the country.

**Keywords:** detention, drug syndicates, illicit drug, juvenile, neoliberalism, security

## Pengenalan

Golongan remaja merupakan generasi yang bakal mewarisi negara kita pada masa akan datang. Pelbagai harapan diletakkan agar mereka berupaya menjadi individu yang berguna serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan negara secara keseluruhannya. Makalah ini akan menjelaskan ancaman sindiket kepada golongan juvana di Malaysia. Juvana merupakan golongan atau kumpulan yang amat rentan kepada pengaruh dadah, yang berumur antara 18 tahun ke bawah (*Kamus Dewan*, 2006). Di Malaysia golongan juvenil seawal 10 tahun telah direkrut oleh sindiket sebagai pengedar kecil-kecilan di sekolah (*Utusan Malaysia*, 29 Mac 2014). Oleh itu, remaja harus dilihat dari segi satu tempoh peralihan yang panjang, yang mana perjalannya tidak semestinya bebas dari tekanan dan pelbagai halangan konflik kehidupan (Hasnah Ghani, 1995; Karl, 1975). Pada peringkat remaja, seseorang individu mengalami perubahan yang amat pesat sekali, sama ada dari segi fizikal, emosi maupun sosial. Makalah ini memaparkan satu kejadian yang melibatkan seorang dari juvenil yang melakukan kesalahan jenayah Juvana, membincangkan latar belakang dari segi pendidikan, pendapatan, cara hidup juvenil iaitu mangsa kepada dadah. Selain dari itu juga hasil temu bual dari responden juga akan dibincangkan disamping membincangkan keadaan sosio-ekonomi mangsa juvenil dari kekejaman dadah di Malaysia.

## Latar balakang ancaman sindiket dadah


Di rantau Asia Tenggara ancaman sindiket dadah merupakan masalah yang mempunyai sejarah yang amat panjang dan rumit untuk diselesaikan. Ini adalah kerana salah satu tempat sumber kepada pengeluaran dadah dunia wujud di rantau ini iaitu Segitiga Emas. Malah masalah jenayah dadah turut juga menarik perhatian pengkaji/sarjana secara serius di peringkat antarabangsa (Nichol, 2001). Ini kerana ancaman dadah merupakan satu ancaman yang melibatkan jenayah berkumpulan dan merentas sempadan sesebuah negara. Aktiviti ini telah menjadi isu yang penting, sehingga boleh mengakibatkan hubungan antara negara di Asia Tenggara yang berjiran lebih sensitif. Ianya juga mungkin akan memberi kesan kepada hubungan dua hala antara negara akan terjejas kerana saling menyalahkan antara satu sama lain sebagai punca (Nalin, 2007). Hubungan yang terjejas akan menyebabkan ketiadaan kerjasama negara terbabit dalam menangani isu serta membendung jenayah rentas sempadan .

Sehubungan dengan itu, Malaysia adalah sebuah negara di rantau Asia Tenggara dalam kategori negara yang sedang membangun, merupakan amat berpotensi dalam pelbagai aktiviti yang melibatkan perdagangan yang sah. Namun tidak ketinggalan juga aktiviti atau perdagangan yang haram dan menyalahi undang-undang kerana kedudukannya yang strategik di rantau Asia Tenggara (William et al., 2000). Adeeba Kamarulzaman (2013) adalah seorang sarjana pakar dalam masalah dadah di Malaysia mendakwa, masalah dadah semakin hari semakin serius di Malaysia. Beliau berhujah berdasarkan laporan media massa dan keseriusan ini juga dapat dilihat dari statistik tangkapan pihak berkuasa yang menunjukkan peningkatan pengedaran dan penagihan setiap tahun. Tren pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini telah mula menunjukkan peralihan minat para pengguna dadah daripada penyalahgunaan dadah tradisional, seperti heroin dan ganja, kepada penyalahgunaan dadah sintetik seperti Syabu, Eramin 5, Ketamin dan ekstasi.

Golongan penyalahgunaan dadah pada masa kini juga cenderung menggunakan pelbagai jenis dadah pada masa yang sama (Mohamad Daniel, 2013). Dalam tahun 2010 sahaja, tangkapan keseluruhan kesalahan narkotik di Malaysia melibatkan dadah sintetik seperti Syabu, Ketamin, Ekstasi, Erimin-5 dan Yaba meningkat sebanyak 44 peratus berbanding tahun 2009. Jumlah peningkatan ini agak membimbangkan jika dibandingkan dengan peningkatan pada tahun 2009, iaitu sebanyak 10 peratus berbanding tahun 2008 iaitu 34 peratus. Walaupun generasi masa kini jelas menunjukkan kecenderungan terhadap penyalahgunaan dadah sintetik, masalah dadah tradisional seperti heroin masih merupakan ancaman utama negara (Haris Wong Abdullah, 2012).

Penyalahgunaan dadah dalam negara amat membimbangkan kerana angka tangkapan meningkat dan semakin serius. Pada tahun 2010, tangkapan yang melibatkan dadah heroin adalah sebanyak 42% daripada tangkapan keseluruhan dadah di Malaysia. *Laporan Tahunan Polis Diraja Malaysia* (2011) mendakwa sekiranya penguatkuasaan undang-undang tidak dijalankan dengan serius dan berkesan, negara berpotensi untuk menjadi negara hub dadah sejarah dengan pengglobalisasian penyeludupan dadah dan kewujudan makmal haram memproses dadah berskala besar (*Metro*, 18 November 2011). Di samping itu sindiket dadah warga asing makin banyak dikesan yang membawa pakar-pakar dadah ke Malaysia untuk memproses dadah di negara ini, dengan kerjasama sindiket dadah tempatan. Penglibatan sindiket ini, telah beberapa kali dibongkarkan oleh pihak berkuasa Malaysia di mana beberapa makmal memproses dadah Syabu haram dikesan di Semenyih (Selangor), Senai (Johor) dan Bukit Jambul (Pulau Pinang) (*Laporan Tahunan PDRM*, 2005; 2009; 2010; 2011).

Selain daripada itu, pihak sindiket telah banyak ditumpaskan seperti kes-kes yang menarik perhatian antarabangsa seperti tangkapan terbesar syabu di Pahang RM 254 juta (*Utusan Malaysia*, 9 Mei 2009), tiga kumpulan pengedar dadah tumpas (*Utusan Malaysia*, 31 Mac 2010), Polis rampas RM 7.5 juta Eramin 5 (*Utusan Malaysia*, 5 Mei 2011), nilai dadah terbakar dalam kilang RM 18 juta (*METRO*, 14 Jun 2012). Ini menunjukkan masalah pengedaran di Malaysia semakin parah dan pelaku bukan negara semakin menular dalam aktiviti mereka. Penagihan dadah juga dalam keadaan kritikal di mana dianggarkan seorang dari 4 orang rakyat Malaysia adalah penagih dadah (*UNODP*, 2007). Dari segi penyalahgunaan dan penagihan dadah di Malaysia, tren penagihan lebih memihak di negeri dan wilayah yang maju dari segi ekonomi. Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Perak adalah antara negeri yang banyak menyumbang terhadap jumlah penagih dadah di Malaysia.



Sumber: Diolah dari Laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (1988-2012)

Rajah 1. Jumlah penagih dadah yang terkumpul (1988 -2012)

Menurut Agensi Dadah Kebangsaan (AADK), daripada tahun 1988 hingga 2002 adalah seramai 235,495 orang, termasuk kira-kira 50,000 orang penagih tegar. Badan-badan bukan kerajaan (N/G/O), seperti Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM, 2011) pula menganggarkan terdapat kira-kira 350,000 orang yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di dalam negara. Angka ini dikatakan bertambah sebanyak 1,300 penagih dadah setiap bulan. Jumlah terkumpul penagih dadah sejak tahun 1988 hingga 2012 adalah seperti yang dipaparkan di Rajah 1. Keadaan makin dibimbangkan kerana

sindiket yang beroperasi mula melibatkan bukan sahaja kepada golongan dewasa sebelum ini tetapi juga kepada golongan juvana. Sindiket dadah ini merupakan sebuah organisasi yang secara realitinya wujud tetapi sukar dikenalpasti kerana mereka beroperasi dalam sistem yang sukar untuk dikesan.

Sehubungan dengan peranan pelaku bukan negara (sindiket) memainkan peranan mereka dalam aktiviti pengedaran dadah, maka mereka juga cuba mendekati dan mengancam golongan juvenil. Juvenil (remaja) seperti ditakrifkan dalam pelbagai kamus, remaja membawa maksud seseorang yang mulai dewasa, sudah akil baligh atau muda. Dari segi usia pula, remaja dianggap berumur antara 10 hingga 19 tahun. Dari sudut psikologi, zaman remaja adalah satu jangka masa peralihan yang berlanjutan dari alam kanak-kanak ke peringkat dewasa yang penuh dengan konflik-konflik kehidupan (Mahmood Nazar, 1990). Pada zaman inilah para remaja mula terdedah kepada alam luas di luar rumah, malah persekitaran ini sudah merupakan rumah kedua kepada mereka. Remaja juga banyak belajar perkara yang tidak semuanya datang dari ibu bapa tetapi kebanyakannya daripada persekitaran sosial yang mana ia membesar. Pada tempoh-tempoh inilah para remaja mula mengubah tingkah laku, sikap dan nilai, malahan seluruh cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih matang dan dewasa (Khulen, 1982; Noraini Ahmad, 2000).

Apabila mereka melakukan sesuatu jenayah ringan, berat dan sebagainya atau terlibat dengan jenayah berkumpulan, maka golongan ini akan dikategorikan sebagai pesalah jenayah Juvana. Jenayah Juvana merujuk kepada perlakuan jenayah atau anti-sosial golongan juvenil (remaja). Jenayah jenis ini merupakan sesuatu yang makin membimbangkan semua pihak di seluruh dunia. Ia merupakan satu isu sosial yang penting kerana golongan ini mampu melakukan jenayah berat, namun mereka masih belum boleh dipertanggungjawabkan sepenuhnya.

## **Teoretikal dan konseptual**

Dalam membincangkan kes dadah dalam makalah ini, kajian akan menggunakan teori neo-liberalism sebagai panduan dalam analisis. Teori neo-liberalisme boleh menjelaskan peranan yang telah dimainkan oleh pelaku bukan negara termasuk (penjenayah/sindiket) dan juga isu-isu keselamatan merentas sempadan dalam konteks globalisasi sebagai aktor utama. Dalam banyak perdebatan mengenai kes jenayah rentas sempadan dan hubungan mereka dengan keselamatan antarabangsa adalah antara isu yang difokuskan dan dititikberatkan (Rapley, 2004). Perdebatan sarjana berfikiran neoliberlais mengenai isu-isu keselamatan baru, menjelaskan aktiviti pelaku bukan negara ini dianggap mendatangkan ketakutan dan peranan yang mereka mainkan memudaratkan, menjelaskan keselamatan insan di negara mereka beroperasi melalui rangkaian jenayah (Owen, 2008).

Teori neoliberalisme berpaksikan kepada kemakmuran ekonomi kepada seluruh dunia yang mengamalkan pasaran bebas. Kritikan kepada teori ini yang pada hakikatnya mementingkan diri mereka sendiri untuk menjalankan aktiviti pasaran bebas tanpa mengira kedaulatan sesebuah negara. Dalam membincangkan peranan yang dimainkan oleh pelaku bukan negara dalam teori ini, mereka tidak mengendahkan kerencaman ekonomi sesebuah negara yang mereka masuki. Oleh yang demikian pelaku bukan negara yang juga terdiri dari perniagaan multi nasional yang mempunyai hubungan atau jaringan dengan pihak sindiket antarabangsa, kemudian bekerjasama dalam menjalankan aktiviti yang haram termasuk perniagaan dadah (Nick Croft, 2013). Berkembangnya aktiviti haram ini akan menjelaskan keselamatan sesebuah negara dari segi kedaulatan dan insan di sesebuah negara yang mereka beroperasi.

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu kualitatif dalam mengumpul data primer dan sekunder. Untuk mengkaji kesan dadah terhadap keselamatan insan, kajian ini telah mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data, supaya dapat menghasilkan corak dan fakta yang boleh membantu dalam analisis ini

(Wagenen, 1991). Data yang melibatkan statistik diperolehi dari pihak penguasa di Malaysia, manakala data primer diperolehi melalui kaedah menemubual informan utama dari agensi-agensi penguatkuasa yang dikendalikan oleh pihak kerajaan dan swasta iaitu badan-badan bukan kerajaan. Selain itu juga, kajian ini telah menemubual pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu seperti pegawai polis, pegawai perubatan dan pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan serta pegawai Pusat Pemulihan Narkotik. Di antara agensi yang terlibat secara langsung dalam kajian ini ialah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO'S) termasuk temu bual juga telah dijalankan dengan pesalah Juvana di dalam penjara. Temu bual bersemuka bersama informan dalam kajian ini dapat membantu dalam pengembangan data yang lebih berkredibiliti dan berkesan. Sementara itu, dokumen dan laporan tahunan jabatan, minit mesyuarat, surat khabar, dokumen peribadi seperti diari, surat atau jurnal di perpustakaan mini jabatan tersebut, turut dijadikan rujukan dalam kajian ini.

Manakala data sekunder dari bahan bercetak dan dokumen termasuk buku-buku dan laporan kerajaan, NGO dan PBB yang membincangkan kajian terdahulu boleh dijadikan rujukan dalam pengumpulan data (Mauch & Birch, 1993). Makalah ini ditulis dan dibantu oleh ulasan kajian lepas terhadap beberapa buah penyelidikan dalam konteks akademik yang merangkumi buku, jurnal, tesis/disertasi dan monograf yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan makalah ini. Kajian ini turut menggunakan beberapa laman sesawang yang berkaitan untuk dilayari antaranya ialah laman sesawang *World Health Organisation, National Anti-Drug Agency di Amerika Syarikat, National Institute of Drug Abuse dan the Drug Policy Alliance*. Agensi-agensi ini penting kerana mereka mempunyai khazanah pelbagai data dan maklumat yang berkaitan dalam kajian. Ini kerana ada data yang hanya diperolehi memalui laman sesawang dan setelah data di kumpulkan, penyelidik telah melihat trend dan paten yang dapat membantu dalam menganalisis dapatan dan rumusan kajian.

### **Sindiket dadah dan ancaman ke atas juvenil di Malaysia**

*United Nation Office on Drugs and Crime* (2007), membuat kenyataan penglibatan juvenil dalam penyalahgunaan bahan terlarang di peringkat global, semakin meningkat. Kepopularan dadah rekreasi, gaya hidup yang bebas, pelbagai pengaruh luar serta kesenangan memperolehi bahan psikoaktif telah menyebabkan remaja kini lebih rentan dan terjebak dan terlibat dalam penyalahgunaan bahan terlarang di negara-negara barat. Menurut Mahmood Nazar Mohamed et al. (2008), trend ini juga telah menular dan dipantau di Malaysia yang mana bilangan remaja yang menyalahgunakan bahan terlarang ini kian bertambah setiap tahun. Selain itu Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan juga menegaskan, penularan ini berlaku bukan sahaja di kawasan bandar-bandar besar bahkan di kampung-kampung termasuk yang paling membimbangkan di kawasan FELDA. Kawasan FELDA menjadi tumpuan para sindiket ialah kerana ia amat menguntungkan, oleh sebab mereka mempunyai kemampuan kewangan untuk mendapatkan bahan terlarang ini (*Berita Harian*, 26 Jun 2013)

*Unit Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan* (NADI), memaparkan data statistik menunjukkan masalah penagihan dadah yang dikesan di seluruh negara, bagi tempoh Januari hingga September 2008, secara purata seramai 520 orang penagih baru dikesan bagi tempoh sebulan dan 590 orang penagih berulang. Ini juga bermakna, secara purata seramai 17 penagih baru dan 20 orang penagih berulang dikesan setiap hari (*Agensi Antidadah Kebangsaan*, 2008). *Akhbar New Straits Times* bertarikh 8 September 2009 pula pernah melaporkan bahawa sebanyak 306 pelajar sekolah berusia antara 13-17 tahun didapati positif dadah dalam pemeriksaan air kencing yang dilakukan dalam tempoh tujuh bulan dalam tahun 2009 berbanding 115 kes pada tahun 2008 sekaligus menunjukkan peningkatan hampir tiga kali ganda. Ini menggambarkan bahawa penyalahgunaan najis dadah masih menjadi masalah yang membelenggu golongan muda di negara ini (Rushidy Ramly, 2012).

Sehubungan dengan statistik tersebut, setelah 30 tahun sejak 1983 perlaksanaan pendekatan keselamatan negara seperti menangkap, mendakwa dan memenjarakan pesalah dadah di Malaysia

dilaksanakan, bagi mengekang aktiviti sindiket. Namun pihak sindiket masih bebas menjalankan aktiviti mereka seperti merekrut penagih dadah, pengedar dan mereka nampaknya berjaya beroperasi seolah-olah tanpa sekatan malah semakin serius (Mohamad Faizal Ibrahim, 2012). Ini bermaksud pendekatan yang selama ini, yang lebih menjurus kepada keselamatan negara kurang berkesan dalam berperang dengan pihak sindiket. Pendekatan keselamatan negara disini bermaksud perlaksanaan segi penguatkuasaan seperti tindakan, tangkapan dan pertuduhan ke atas pesalah dadah di Mahkamah. Walaupun telah lebih tiga puluh tahun Malaysia telah menjalankan penguatkuasaan dadah mengikut peruntukan undang-undang dadah yang sedia ada, namun ancaman penagihan dan pengedaran masih berlelusa kepada masyarakat Malaysia.

Seorang sarjana yang pakar di bidang kaunseling dadah iaitu Abdul Halim Husin (2013) mendakwa isu yang masih timbul seperti ramai kakitangan dan orang awam berurusan dengan masalah dadah, masih tidak jelas atau masih kabur dalam apa-apa tindakan yang dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab. Pendekatan perlaksanaan polisi bagi mengekang aktiviti sindiket perlu cara yang baru dan ampuh untuk memastikan sesuatu polisi itu berjaya dengan penuh bergaya. Kajian menunjukkan bahawa rangkaian jenayah berkembang di negara-negara yang gagal dalam menjaga undang-undang dan pelaku bukan negara ini boleh menjalankan aktiviti mereka untuk terus menghuru-harakan negara gagal menjaga undang-undang mereka kerana mempunyai institusi rapuh, pegawai yang menerima rasuah, dan masyarakat awam yang lemah seperti dikatakan oleh Low (1986). Walaupun dalam sesebuah negara yang berdaulat yang mempunyai undang-undang namun aktor bukan negara (penjenayah/sindiket) ini masih mampu untuk mempengaruhi mereka melalui cara-cara lain.

Sehubungan dengan itu juga, peranan pihak berkuasa selama ini dalam memerangi sindiket, sejak sekian lama masih lemah dengan kata lain kurang berkesan walaupun pemimpin tertinggi negara telah mengisyiharkan peperangan terhadap dadah sejak 30 tahun yang lalu. Namun Malaysia masih lagi gagal untuk memenangi peperangan terhadap aktiviti yang sindiket jalankan malah semakin serius dengan timbulnya dadah jenis baru. Kritikan terhadap perlaksanaan tindakan dalam memerangi sindiket dadah dan memulihkan mangsa pengedaran serta penagihan memang sukar kerana kita berperang dengan aktor bukan negara. Seorang Professor Dekan Fakulti Perubatan di Universiti Malaya iaitu Adeeba Kamarulzaman (2013) mendakwa apa yang pasti hanya kesannya keseriusannya sahaja yang Malaysia hadapi. Beliau mengungkapkan seperti berikut:

“...adakah Kita menang dalam melawan mereka...jawapannya ialah tidak. Ini adalah disebabkan kita tak boleh perangi dadah ini secara apa..? slogan *war on drugs*, sejak dahulu kan.. memang kita tidak boleh menang. So sekarang ini kita hanya menumpukan ingin tangkap mereka masuk *jail*, tangkap masuk *jail*. Tapi kita secara realitinya tidak tengok secara menyeluruh masalah dadah ini..”.

Walaupun pendekatan keselamatan negara seperti tangkap dan tuduh di Mahkamah yang digunakan oleh kerajaan untuk menentang pihak sindiket, namun perlu difikirkan tentang cara baru bagi perlaksanaannya dan mestilah memenuhi kehendak atau situasi semasa di peringkat global. Situasi semasa bermaksud, dalam sistem antarabangsa banyak negara telah mengubah pendekatan dalam memerangi dadah. Isu ini akan menjadi lebih serius apabila pihak sindiket merekrut golongan juvenil.

### **Impak ke atas kelangsungan hidup juvenil**

Perdebatan tentang konsep kelangsungan hidup sesebuah negara atau masyarakat adalah bergantung dengan keadaan sosio-ekonominya. Ini berkaitan dengan dadah dan keselamatan sosio-ekonomi di bawah payung keselamatan insan. Manakala keselamatan sosio-ekonomi disebabkan dadah adalah sesuatu yang amat penting dikaji demi kelangsungan hidup individu. Keselamatan sosio-ekonomi boleh dilihat dari perspektif yang lebih fokus kepada mangsa yang terlibat dengan pengedaran dan penagihan dadah. Oleh

yang demikian makalah ini hanya membincangkan keselamatan sosio-ekonomi dari segi keselamatan pendidikan golongan juvenil. Menurut Bahr et al. (2005), pengaruh rakan sebaya juga merupakan salah satu faktor yang berisiko tinggi dalam menyebabkan penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja. Remaja yang mempunyai kawan-kawan rapat yang terlibat dalam penyalahgunaan bahan lebih berkemungkinan untuk terlibat sama dalam gejala tersebut (Idarki Kamarul, 2013).

Impak yang paling menyerlah dari ancaman sindiket dadah adalah dari segi berkaitan dengan faktor kelangsungan pendidikan juvenil. Elemen penting dalam bahagian ini akan diwacanakan ialah elemen kelangsungan pendidikan bagi mangsa dadah. Dari segi pendidikan pula kesan terhadap keselamatan insan ialah, terabai nya pendidikan yang menyebabkan masa depan mangsa dadah terancam. Pendidikan amat penting bagi pembangunan insan dan juga bagi pembangunan komuniti dan negara (Mohamad Faizal Ibrahim, 2012). Elemen ini mempengaruhi dan memberi kesan kelangsungan dari segi keselamatan pekerjaan, iaitu pekerjaan yang diterima oleh masyarakat yang bermaksud tidak melanggar norma-norma komuniti seperti halal di sisi agama Islam. Mengulas tentang elemen yang kedua ini, dari segi pekerjaan haram iaitu ancaman yang datang dari aktiviti dadah, akan menyebabkan komuniti di persekitaran menyedari termasuk persepsi ketidakselamatnya pun timbul. Penglibatan juvenil dengan pihak sindiket seperti, aktiviti penagihan, mengedar dadah, mencuri, merompak dan melakukan jenayah lain atau jenayah pembunuhan akan menyebabkan kegelapan dari segi kelangsungan hidup mereka (Zuki As Sujak, 2013).

### *Kelangsungan pendidikan*

Sehubungan dengan itu juga, kajian dari segi kelangsungan keselamatan pendidikan ramai mangsa dadah akan tersekat di tengah jalan, tidak keterlaluan dikatakan pada tahap remaja. Ini dijelaskan oleh seorang informan iaitu Rohaida Razali (bukan nama sebenar) (2013) bahawa umur juvenil yang banyak cabaran ialah pada usia 13 tahun hingga 20 tahun, berdasarkan pengalaman subjek yang menjadi mangsa dadah dan tidak berminat ke sekolah pada usia 15 tahun lagi. Pada waktu persekolahan mereka akan melepak dan menghisab dadah secara berkumpulan di suatu tempat yang agak terasing dari sekolah. Ini akan memberi kesan-kesan yang turut menyelubungi juvenil di sekolah seperti kegagalan pencapaian di sekolah, persekitaran sekolah yang tidak selamat dan kacau-bilau, dan kekurangan harapan yang tinggi daripada guru turut mempengaruhi penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja (*Substance Abuse and Mental Health Services Administration, Centres for Substance Abuse Prevention*, 1999).


Brown et al. (1994) pula melaporkan bahawa peningkatan penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja berhubung rapat dengan pencapaian akademik yang kurang memuaskan. Brown et al. (2005) juga melaporkan bahawa kegagalan dalam akademik merupakan salah satu faktor yang berisiko dalam peningkatan penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja. Peningkatan penglibatan golongan remaja dalam kancan kehancuran ini adalah disumbangkan oleh kepesatan pusat-pusat hiburan dewasa ini. Bahkan ada ramai pelajar dan remaja pergi ke pusat-pusat hiburan untuk mencuba pelbagai jenis dadah sambil untuk berseronok (Rohaida Razali, 2013). Ini adalah amat membimbangkan kerana akan menyebabkan kelangsungan dari segi pendidikan dan masa hadapan mereka terjejas.

Kerentenan dari segi penyingkiran dari arus pendidikan mangsa dadah mengancam masa depan mereka apabila mereka sudah terlibat dengan najis dadah. Masalah ini merupakan ancaman kepada belia yang mana mereka akan keluar dari kepompong tugas menjadi pelajar kepada seorang mangsa dadah. Seorang Professor Pakar Kaunseling Dadah dan Seorang Doktor Pakar Kesihatan Awam iaitu Mohamad Faisal Ibrahim (2012) menyatakan golongan juvenil yang mengabaikan sekolah juga dipanggil ‘out of school’ ini adalah yang paling terancam. Ini adalah kerana mereka leka dan hanyut dengan arus pembangunan yang melalaikan mereka, sehingga golongan inilah potensinya amat besar terjebak dengan dadah. Golongan ini kalau telah terjebak dengan masalah dadah, masa depan mereka dari segi sosio-ekonomi akan terumbang-ambing kerana stigma negatif masyarakat yang tebal terhadap mangsa dadah.

Perkara ini amat membimbangkan kerana generasi akan datang adalah generasi yang tidak mementingkan pendidikan. Pendidikan adalah penting untuk memastikan kelangsungan hidup individu

bagi menjamin masa depan yang carah. Namun begitu situasi dewasa ini ramai pelajar tidak mementingkan pendidikan bahkan lebih suka berseronok dan melibatkan diri sendiri dengan aktiviti yang tidak sihat (Mohamad Faisal Ibrahim, 2012). Statistik dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Diraja Malaysia (2012) menyokong kepada fakta ini, di mana tangkapan yang dijalankan oleh pihak berkuasa menunjukkan mangsa pengedar dan mangsa penagihan dari kalangan belia di sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) telah meningkat setiap tahun. Jadual 1 di muka surat seterusnya menunjukkan peningkatan yang ketara dari tahun 2008 hingga 2012.

Berdasarkan Jadual 1, di muka surat seterusnya menunjukkan statistik tangkapan di kalangan penuntut juvenil di sekolah dan belia yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Mereka juga terdedah menjadi mangsa pengedaran dan penagihan. Pada tahun 2008 seramai 265 orang tangkapan, meningkat menjadi 438 orang tangkapan, walaupun menurun sedikit dari segi angka pada tahun 2010 dan 2011. Namun angka tersebut meningkat secara mendadak sehingga 30 peratus (442 orang) bagi tahun 2012 berbanding (340 orang) pada tahun 2011. Bagi pelajar sekolah pula tren peningkatan semakin ketara iaitu pada tahun 2008 seramai 196 orang pelajar, manakala pada tahun berikutnya meningkat kepada 340 orang. Walaupun tangkapan pada tahun 2011 menurun sebanyak hampir 20 peratus iaitu seramai 335 orang berbanding tahun 2010, tetapi telah meningkat mendadak pada tahun 2012 sebanyak 64 peratus (520 orang).



Sumber: Diolah dari Laporan Tahunan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM (2008-2012)

**Rajah 2.** Statistik tangkapan penuntut sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (2008-2012)

Oleh yang demikian, pendidikan amat penting kepada individu kerana ia juga akan mempengaruhi sesebuah komuniti baik ataupun tidak. Selain dari itu, tahap pendidikan seseorang individu akan menentukan tahap pemikiran seseorang termasuk mempengaruhi jenis pekerjaan mereka pada masa hadapan.

## Kajian kes

Sehubungan dengan permasalahan keselamatan sosio-ekonomi akibat dadah ini amatlah ketara, setelah penyelidikan dibuat kepada juvenil yang terlibat secara langsung dengan masalah ini. Dalam memahami masalah yang dihadapi oleh mangsa dadah, temu bual telah dibuat dengan mereka yang terlibat dan yang masih menjalani hukuman di dalam Penjara. Seterusnya beberapa contoh empirikal diketengahkan bagi menonjolkan keadaan sosio-ekonomi di kalangan penagih dan pengedar dadah juvenil dari segi kesan pendidikan dan pekerjaan. Berikut dibentangkan profil individu juvenil yang menjalani hukuman dalam penjara atas kesalahan dadah, yang mana memaparkan latar belakang pendidikan, pekerjaan, perjalanan hidup subjek semasa dalam penglibatan dengan dadah akibat dari ancaman pihak sindiket dadah.

### *Kes satu*

Mohamad Nazrul Zulmie (bukan nama sebenar informan), berumur 16 tahun adalah seorang belia remaja yang berasal dari Semenyih, Selangor. Subjek merupakan seorang pelajar tingkatan tiga yang masih bersekolah sebagai pelajar Sekolah menengah di kawasan Semenyih. Subjek telah ditahan di penjara atas kesalahan memiliki dadah jenis syabu yang akan membawa hukuman penjara sehingga 5 tahun. Subjek mula terlibat dengan penagihan sejak di sekolah menengah semasa berusia 15 tahun yang pada mulanya diberikan oleh kawan-kawan secara percuma. Sejarah subjek mula menggunakan syabu adalah disebabkan oleh kawan-kawan yang sebaya yang sama-sama menghisap dadah di sekolah. Bapa dan ibu subjek menyara keluarga dengan berniaga barang pakaian secara kecil-kecilan di pekan Semenyih.

Oleh sebab ketiadaan duit untuk menampung pembelian dadah subjek mengambil keputusan untuk menjual dadah jenis syabu secara kecil-kecilan. Subjek berjumpa dan ingin bekerja dengan sindiket dadah di kawasan Semenyih untuk menjual dadah di kalangan kawan-kawan di sekolah dan di luar sekolah. subjek ditawarkan kerja sebagai pengedar kecil-kecil di kawasan sekolah subjek oleh sindiket dan subjek tidak perlu ada modal untuk menjadi pengedar hanya ambil dulu dadah dan kemudian setelah mendapat hasil jualan barulah bayar kepada sindiket dadah. Kebiasaan subjek dibekalkan oleh sindiket sebanyak 5 gram syabu yang berharga RM 1000 untuk di edar atau dijual dalam satu-satu masa. Subjek selalunya akan memperolehi keuntungan bersih dalam sekitar RM 1500. Hasil jualan digunakan untuk perbelanjaan harian subjek untuk mengurangkan ketagihan. Ibu dan bapa subjek tidak mengetahui aktiviti subjek kerana subjek pergi ke sekolah setiap hari. Subjek menegaskan seperti berikut:

“.. mak dan ayah saya tidak tahu aktiviti saya jual ‘barang’ kerana saya pergi sekolah macam budak lain juga. Saya di sekolah sama-sama hisab ‘barang’ di belakang sekolah. Lepas sekolah saya pi jual barang di pekan dan workshop motosikal dan banyak tempat lah. Jual dengan orang kita biasa kenal la. Saya ambil barang biasanya petang dan dalam masa 3 atau 4 jam dah habis dah ditolak. Untung kerja ni bang.....”.

Setelah hampir 5 bulan subjek bergiat dalam aktiviti pengedaran dadah jenis syabu, subjek dengan yakin tidak akan ditangkap oleh pihak berkuasa. Pada satu hari semasa subjek sedang leka berurusun menjual dadah tiba-tiba diserbu pihak polis di kawasan awam Semenyih, subjek tidak sempat melarikan diri dari pihak polis kerana subjek leka mengira wang hasil jualan dan sayang akan duit jualan terjatuh masa hendak melarikan diri. Pada masa subjek menjalankan urusan mengedar dadah subjek masih berpakaian seragam sekolah. Setelah diperiksa oleh pihak polis, mereka menjumpai satu peket sahaja yang tinggal dadah syabu. Ekoran dari tangkapan itu, setelah siasatan selesai, subjek dituduh di mahkamah Kajang. Subjek akhirnya ditahan di penjara Juvana yang sekarang telah hampir satu tahun untuk menjalankan hukuman atas kesalahan terlibat dengan aktiviti dadah. Subjek semasa ditemu bual dalam keadaan menyesali apa yang telah dia lakukan dan berharap supaya penjenayah iaitu sindiket dadah yang mempergunakan juvenil dalam aktiviti mereka dapat ditumpaskan oleh pihak berkuasa. Akhir sekali

subjek cuma berazam untuk kembali ke pangkal jalan bila keluar dari penjara nanti dan cuba untuk mencari pekerjaan jika ada peluang. Subjek menyatakan:

“...saya harap pengedar besar patut dihapuskan kerana libatkan kita dalam kerja dia orang. Saya pun tak pasti, Tak tahu la bang apa jadi bila saya keluar nanti, ayah saya mesti marah dan sekarang pun tak datang lawat. Tak pa lah saya cuba cari kerja la, kalau ada.. tak tahu la nasib bila keluar bang....”

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulan kepada masalah ancaman sindiket terhadap golongan juvenil, sememangnya tidak dapat dinafikan, penyalahgunaan, penagihan dadah dan pengedaran dadah di kalangan juvenil adalah satu masalah yang serius dan perlu ditangani pada usia awal mereka. Kajian ini diharap dapat menimbulkan kesedaran kepada semua pihak yang berwajib tentang masalah yang dihadapi, di samping menjadi panduan dalam membantu menyedia dan melaksanakan penguatkuasaan untuk menangani ancaman sindiket terhadap golongan juvenil. Golongan ini perlu diselamatkan di peringkat awal lagi supaya kelangsungan hidup masa hadapan mereka lebih terjamin khususnya dalam bidang pendidikan. Golongan juvenil juga harus disemai dengan perasaan bangga akan identiti etnik agar berpegang teguh kepada elemen-elemen positif budaya masing-masing. Pihak sekolah juga perlu membina persekitaran sekolah yang ceria dan selamat supaya elemen penyusupan pelaku bukan negara dalam kehidupan para golongan ini dapat dielakkan.

Selain dari itu konsep keselamatan insan dan kerjasama antara jabatan penguatkuasaan dalam negara adalah amat penting dilaksanakan secara holistik. Ini kerana pihak pelaku bukan negara ini adalah ancaman kepada golongan juvenil, yang mana mereka adalah sebagai satu organisasi merekrut golongan juvenil sebagai penagih dan seterusnya sebagai pengedar dadah. Pelaksanaan strategi yang mantap akan dapat mengimbangi atau mengelakkan kesan buruk yang dimainkan oleh pelaku bukan negara (penjenayah, pengganas, pengedar dadah). Selain dari itu, ibu bapa perlu diberi pendedahan kepada gaya keibubapaan yang dapat mengeratkan hubungan antara ibu bapa dengan anak. Ini akan membolehkan mereka agar dapat memantau aktiviti golongan juvenil dengan berkesan, penyayang dan prihatin., serta mementingkan pemupukan holistik pelajar menekankan pencapaian akademik pelajar remaja.

## Rujukan

- Agensi Antidadah Kebangsaan (2008) Dasar Dadah Negara [Cited 24/3/2014]. Available from: <http://www.adk.gov.my/download/dasardadahnegara.pdf>.
- Agensi Antidadah Kebangsaan (2013) Laporan Dadah Januari - Disember 2013 [Cited 24/4/2014]. Available from: <http://www.adk.gov.my/uploads/laporansep.pdf>.
- Agensi Antidadah Kebangsaan (2009) *Garis Panduan Program Intervensi Pelajar (PIP): Institut Pendidikan Bebas Dadah Agensi Antidadah Kebangsaan*. Kementerian Dalam Negeri, Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_. (1993) *Kamus Dewan Edisi Baru*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Berita Harian*, 26 Jun 2013.
- Harian Metro*, 18 Nov 2011.
- Harian Metro*, 14 Jun 2012.
- Hasnah Ghani (1995) *Jenayah remaja: Permasalahan dan penyelesaian*. HIZBI, Shah Alam.
- Jim Nichol (2011) *Central Asia's security: Issues and implications for U.S. interests*. Congressional Research Service, Moscow.
- Keith R, Wagenen V (1991) *Writing a theses substance and style*. Prentice-Hall, Englewood Cliffs, New Jersey.

- Khulen RG (1982) *The psychology of adolescent development*. Harper and Row Publisher, New York.
- Karl CG (1975) *Psychology of adolescent*, Edisi 7. Prentice Hall Inc., New Jersey.
- Mahmood Nazar Mohamed (2008) *Memastikan remaja bebas daripada dadah*. Ikon Interactive Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Noraini Ahmad (2000) *Kaunseling remaja*. Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Nalin KM (2007) Political and security challenges in Central Asia; The drug trafficking dimension. *Journal of Internasional Studies* 44 (2), 158-174.
- New Straits Times*, 8 September 2009.
- Rapley J (2004) *Globalization and inequality: Neoliberalism's downward spiral*. Lynne Rienner, Boulder, Colorado.
- Taylor Owen (2008) The uncertain future of human security in the UN, UNESCO. Blackwell Publishing.
- Undang-undang Malaysia (2006) *Akta Kanak-kanak 2001, Akta 611*. Percetakan Nasional Malaysia, Kuala Lumpur.
- Utusan Malaysia*, 5 Mei 2011.
- Utusan Malaysia*, 9 Mei 2009.
- Utusan Malaysia*, 13 Mac 2010.
- Utusan Malaysia*, 13 Februari 2013.
- Utusan Malaysia*, 16 Jun 2013.
- Utusan Malaysia*, 26 Mac 2014.
- United Nations Office on Drug and Crime (2011) *World Drug Report 2011*. United Nations Publications, New York.
- United Nations Office on Drug and Crime. 2011. *World Drug Report 2011*. United Nations Publications, New York.
- William MC, David GW (2000) *Asian Security Handbook*. M.E. Sharpe.
- Zakiah Daradjat (1975) *Pembinaan remaja*. Bulan Bintang, Jakarta.

### **Temu bual:**

- Abdul Halim Hussein (2013) Pensyarah pakar psikologi kaunseling dan penagihan dadah Universiti Sains Islam Malaysia. Temu bual pada 7 Januari 2013.
- Adeeba Kamarulzaman (2013) Pensyarah pakar bahagian penyakit berjangkit dan Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Temu bual pada 14 Februari 2013.
- Faisal B. Hj Ibrahim (2012) Beliau ialah pensyarah Universiti Putera Malaysia yang merupakan Pakar Perubatan Kesihatan Awam dan Penagihan Dadah. Temu bual pada 16 April 2012.
- Rushidi B. Ramly (2012) Beliau merupakan Dr. Pakar Perubatan Awam dan Timbalan Pengarah Agensi antidadah Kebangsaan. Temu bual pada 21 Disember 2012.
- Haris Wong Abdullah (2012) Beliau merupakan Timbalan Pengarah Jabatan Narkotik PDRM Bukit Aman, temu bual pada 18 Oktober 2012.
- Idraki Bin Kamarul Azlan (Bukan nama sebenar) (2013) Pesalah Juvana Kes Pengedaran Dadah. Temu bual pada 10 Jun 2013.
- Mohd Nazrul Zulmie (Bukan nama sebenar) (2013) Pesalah Juvana kes Pengedaran Dadah. Temu bual dibuat pada 10 Jun 2013.
- Mohamad Daniel (Bukan nama sebenar) (2013) Pesalah Kes Pengedaran Dadah di Kawasan Kedah. Temu bual pada 29 Januari 2013.
- Nick Croft (2013) Pensyarah dan Pakar Dalam Bidang Dadah dari University of Melbourne, Australia. Temu bual melalui E-mail Pada 6 Mei 2013.
- Rohaida Razali (Bukan nama sebenar) (2013) Beliau merupakan Pelayan Kelab Malam dan Bekas Penagih Dadah. Temu bual pada 2 Februari 2013.
- Zuki As Sujak (2013) Pengurus INABAH Pusat Pemuliharaan Masalah Dadah Swasta Di Kedah. Temu bual pada 2 Februari 2013.